

26 MAR 2000

Kewangan-Kestabilan/I

FORUM KEWANGAN G7 SOKONG PENDEDAHAN OLEH DANA LINDUNG NILAI BESAR

SINGAPURA, 26 Mac (Bernama) -- Forum Kestabilan Kewangan (FSF) G7 menyokong usaha di Amerika Syarikat untuk mengubal undang-undang bagi dana lindung nilai dengan modal lebih US\$1 bilion mendedahkan aktiviti mereka, memberi amaran bahawa ia tidak menolak kemungkinan peraturan langsung bagi institusi yang benar-benar kukuh (HLIs) seperti itu jika mereka kekal menjadi ancaman kepada kestabilan kewangan.

Mengumumkan beberapa cadangan bertujuan mengurangkan ketidaktentuan kewangan global pada penutup mesyuarat ketiga mereka di sini hari ini, FSF berkata peraturan langsung akan ditimbang jika pelaksanaan langkah-langkah itu gagal untuk menangani sistemik risiko kepada sistem kewangan dan kebimbangan pasaran mengenai aktiviti HLIs pada masa ini terutama dana lindung nilai.

FSF ditubuhkan pada Februari tahun lepas selepas berlakunya krisis kewangan Asia dan keruntuhan dana Long Term Capital Management (LTCM) yang berpejabat di Amerika Syarikat.

Howard Davies, pengerusi kumpulan kerja FSF mengenai HLIs, berkata walaupun jawatankuasa itu percaya perlu ada pendedahan mandatori yang standard oleh dana lindung nilai besar, ia tidak mencadangkan peraturan langsung pada peringkat ini.

"Apa yang kami pilih ialah keperluan bagi pendedahan saiz jumlah dana itu, kekukuhan dana itu dengan modal lebih besar dari US\$1 bilion. Kami berpendapat lebih baik dirujuk kepada satu peraturan langsung pada peringkat ini," kata Davies yang merupakan Ketua Lembaga Perkhidmatan Kewangan United Kingdom.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan pengkritik antarabangsa terbesar terhadap aktiviti dana lindung nilai yang tidak diawasi yang beliau salahkan sebagai punca krisis Asia.

Davies berkata risiko utama hanya dari "dana lindung nilai tertentu" kerana semakan semula yang dilakukan oleh kumpulan kerja menunjukkan sebahagian besar dana lindung nilai tidak benar-benar kukuh dan tidak memberikan sebarang ancaman.

"Kami percaya risiko tertumpu ke atas dana lindung nilai besar dan sebab itu kenapa kami berharap ia akan menjana corak disiplin pasaran yang diperlukan bagi mengelakkan dana berkenaan membina kekuatan yang boleh mendatangkan risiko kepada kestabilan sistemik.

Forum itu turut menggesa negara-negara lain untuk memaksa dana utama dalam bidang kuasa mereka untuk mendedahkan syarat itu termasuk pusat kewangan pesisir pantai bagi mengelakkan dana lindung nilai daripada bertukar-tukar tempat bagi melarikan diri.

Pentadbiran Amerika Syarikat menyokong perkembangan rang undang-undang itu yang mensyaratkan dana lindung nilai dengan lebih US\$1 bilion untuk membuat pendedahan awam. Pada asalnya ia mensasarkan dana yang lebih daripada US\$3 bilion.

FSF turut meminta negara-negara menyediakan rangka kerja bagi mengawasi dan menilai risiko yang dihadapi oleh ekonomi-ekonomi mereka hasil daripada aliran modal yang lemah.

Ia menggesa Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk mempercepatkan pembangunan satu set garis panduan bagi amalan hutang negara dan kecairan pentadbiran.

Forum itu juga mahu IMF membangunkan dan menjalankan penilaian pusat kewangan luar pesisir pantai (OFCS) yang telah mencirikan beberapa krisis

walaupun mereka bukan punca utama masalah itu.

Katanya OFCs patut dinilai terhadap kepatuhan kepada peraturan dan penyeliaan antarabangsa yang standard.

"Sebagai sistem kewangan nasional yang saling bebas, masalah masa depan dalam OFCs mungkin ada kaitan dengan pusat kewangan lain. Pertumbuhan signifikan dalam aset dan tanggungan institusi berpangkalan di OFCs dan antara bank bagi pasaran luar pesisir pantai, bersama-sama dengan pertumbuhan aktiviti dalam penyata kira-kira institusi OFC (dengan data yang tidak mencukupi) meningkatkan risiko jangkitan," katanya.

-- BERNAMA

TCL RHM